



**KAMARUDIN (kanan) berbual dengan Wevonny (tengah) dan Zufaidi (kiri) semasa Hari Pendaftaran.**

## 4,220 mendaftar penuntut baharu UMS

**Locksley Ng DE 4.9.18 3**

KOTA KINABALU: Kira-kira 4,220 penuntut mendaftar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk melanjutkan pengajian mereka bagi sesi 2018/2019.

Naib Canselor UMS Prof Dr D Kamarudin D Mudin berkata, daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang atau 58 peratus datang dari Sabah sementara 1,718 atau 40 peratus datang dari semenanjung dan Sarawak.

Hanya 66 orang daripada jumlah itu merupakan penuntut antarabangsa, iaitu dua peratus.

“Penuntut antarabangsa yang datang ke sini untuk mendaftar adalah dari China (31 penuntut), Brunei (11 penuntut), Gabon (1), Jerman (1), Jepun (1), Indonesia (5), Thailand (11), Korea Selatan (3), dan Bangladesh (2),” katanya.

Beliau menambah, 200 penuntut dengan kekangan kewangan menerima bantuan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) UMS bagi penuntut dari kategori B40 (bawah 40 peratus kumpulan pendapatan isi rumah) yang memenuhi syarat minimum Unit Pusat Universiti (UPU).

Beliau berkata demikian semasa satu sidang media selepas sesi suai mesra dengan ibu bapa dan penuntut baharu di universiti, di sini, Isnin.

Kamarudin juga mendedahkan bahawa empat program baharu ditawarkan untukambilan tahun ini.

Empat program baharu itu adalah Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas dengan Kepujian (27 penuntut), Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak (55 penuntut), Sarjana Kesihatan Awam (tujuh penuntut), dan Diploma Kejuruter-

aan Minyak dan Gas (18 penuntut).

“Selain itu, kira-kira 21 penuntut kelainan upaya (OKU) juga mendaftar untukambilan tahun ini,” katanya.

Mohd Zufaidi Aiman Sulaiman, 20, berhasrat untuk menjadi pembaca berita walaupun mengalami kesukaran berjalan.

“Saya suka membaca sejak muda dan ia menjadi satu impian untuk menjadi pembaca berita dan bercakap di depan orang ramai melalui televisyen mereka,” katanya.

Sebagai anak bongsu dalam keluarga dengan tujuh beradik, Zufaidi yang berasal dari Membakut akan mengambil jurusan Sarjana Muda Komunikasi.

Sementara itu, Wevonny Claudylia Robert merupakan seorang yang kerdil tetapi itu tidak memadamkan minatnya dalam ekonomi.

“Saya akan mengambil ijazah dalam Ekonomi Kewangan di UMS dan tidak sabar untuk mempelajari subjek ini.

“Bapa saya seorang pemandu sementara ibu seorang suri rumah. Saya anak kedua antara lima beradik.”

Menurut Wevonny, dia akan menceburi bidang ekonomi untuk belajar lebih banyak dan melihat ke mana hala tujunya pada masa akan datang, menyatakan dia terbuka kepada apa saja berkaitan topik itu.

Penuntut kelainan upaya akan tinggal di tingkat bawah Kolej Kediaman Tun Fuad untuk akses mudah ke rumah mereka dengan pengangkutan khas untuk mereka menghadiri kuliah dengan mudah.

Mahasiswa baharu akan mengikuti Minggu Suai Mesra (MSM) sehingga 6 September sebelum memulakan program masing-masing.